



"IDENTITI YANG MENGUNDANG LAKNAT ALLAH".1

| | |
|---|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿١﴾</p> | 2 |
| <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p> | 3 |
| <p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p> | 4 |
| <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p> | 5 |
| <p>Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "IDENTITI YANG MENGUNDANG LAKNAT ALLAH". Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> | 6 |
| <p>Isu menukar jantina lelaki atau perempuan semakin hangat diperkatakan. Golongan ini sering mendakwa dengan istilah "terperangkap dalam tubuh yang salah" atau "wanita dilahirkan transeksual" yang menyerupai lelaki. Bermula dengan lelaki yang menyerupai perempuan iaitu meniru gaya pemakaian orang perempuan dan juga berperwatakan seperti perempuan. Begitu juga wanita meniru gaya pemakaian lelaki dan berperwatakan seperti lelaki boleh menyebabkan keinginan mereka untuk menukar jantina.</p> | 7 |
| <p>Masalah yang berlaku ini, perlu diberi perhatian serius dan masyarakat tidak harus membiarkan golongan ini terus hanyut, leka dan alpa dalam bahtera kehidupan yang mereka layari. Sudah tentu setiap manusia itu dilahirkan dengan sifat semula jadinya mengikut kehendak dan ketentuan Allah SWT yang tidak sepatutnya dipertikaikan.</p> | 8 |



| | |
|---|----|
| <p>Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 menjelaskan tentang kejadian lelaki mahupun perempuan.</p> <p>يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾</p> | 9 |
| <p><i>“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”</i></p> | 10 |
| <p>Muslimin yang berbahagia sekalian,</p> <p>Di tengah-tengah kesibukan melayari kehidupan didunia hari ini, adakalanya manusia terlupa akan batas-batas kehidupan sebagai seorang manusia dan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Kealpaan itu menyebabkan ada segelintir insan yang tidak mensyukuri nikmat kehidupan itu sendiri. Sebaliknya, membiarkan diri dikuasai oleh syaitan dan tuntutan hawa nafsu semata-mata, seterusnya membawa kepada perlakuan tidak bermoral dalam kehidupan bermasyarakat. Perlakuan tidak bermoral yang dimaksudkan adalah perbuatan yang melawan fitrah diri sendiri dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan fitrah, tabiat dan sifat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepadanya.</p> | 11 |
| <p>Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 119:</p> <p>وَلَا ضَلَّانَهُمْ وَلَا مَمْنُونَهُمْ وَلَا مَرْتَنَهُمْ فَلْيُبَيِّتِ كُنَّ ءَاذَانَ الْأَنْعَمِ وَلَا مَرْتَنَهُمْ فَلْيُعَيِّرَنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾</p> | 12 |
| <p><i>“Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran) dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah dia dengan kerugian yang terang nyata.”</i></p> | 13 |



| | |
|---|----|
| <p>Berdasarkan ayat ini, amat dilarang sama sekali untuk mengubah jantina kerana ia merupakan jejak-jejak langkah syaitan yang menyesatkan. Tambahan pula Rasulullah SAW melarang keras dan melaknat perbuatan seorang lelaki yang berlagak seperti perempuan atau seorang perempuan yang berlagak seperti lelaki, inikan pula menukar jantina.</p> | 14 |
| <p>Sabda rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas Radhiallahu Anhu:</p> <p>لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَ الْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ</p> | 15 |
| <p><i>"Rasulullah SAW melaknat lelaki yang meniru-niru gaya perempuan, dan perempuan yang meniru-meniru gaya lelaki."</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p> | 16 |
| <p>Menurut Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah memutuskan bahawa:</p> | 17 |
| <p>"Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak. Sehubungan dengan itu, perkara-perkara yang dilarang bagi lelaki menyerupai perempuan atau sebaliknya adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Mengubah bentuk fizikal termasuk menukar jantina,2. Gaya berjalan dan gerak badan,3. Percakapan dan suara,4. Perhiasan,5. Pakaian. | 18 |



| | |
|--|----|
| <p>Hadirin yang berbahagia sekalian,</p> <p>Realitinya fenomena menukar jantina dalam masyarakat kita tidak boleh dibiarkan terus berleluasa. Kewujudan kumpulan ini semakin menyerlah dalam masyarakat kita. Ini telah dibuktikan melalui laporan media massa dan elektronik. Sekiranya gejala ini tidak ditangani dengan berhemah, maka dikhuatiri ianya akan merebak menjadi masalah sosial yang lebih serius. Akibatnya, akan memberikan kesan yang buruk terhadap masyarakat dalam pelbagai aspek seperti agama, kesihatan, sosial dan lain-lain.</p> | 19 |
| <p>Apa yang lebih membimbangkan kita adalah golongan ini semakin aktif menubuhkan persatuan-persatuan dan menuntut hak-hak mereka di bawah undang-undang supaya mewajarkan tindakan mereka. Anehnya! Ada yang menyokong dan mempertahankan perbuatan tersebut. Mereka memperjuangkan hak yang sama tanpa halangan untuk menjalani kehidupan yang sama seperti orang lain, terutamanya hak kebebasan dan berkahwin.</p> | 20 |
| <p>Keadaan menjadi bertambah buruk apabila pengaruh media massa dan media elektronik yang semakin canggih tanpa sempadan dan kawalan. Laman-laman sosial pula dijadikan medium untuk mereka berkomunikasi dengan mudah dan bersatu mengumpulkan pengaruh dan bebas merancang aktiviti kumpulan ini.</p> | 21 |
| <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Apabila kita hidup dalam sebuah masyarakat, setiap orang mempunyai peranan, tanggungjawab dan kewajipan masing-masing. Adalah tidak wajar sekiranya kita hanya mampu melihat golongan ini dari terus hanyut dan jauh dari rahmat Allah tanpa ada usaha untuk membantu mereka kembali ke arah jalan yang diredhai oleh Allah SWT.</p> <p>Pendekatan dakwah yang berhikmah, tersusun dan berterusan perlu dilakukan bagi membendung gejala ini diperingkat awal lagi. Manakala setiap individu dalam masyarakat termasuk NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) berperanan memberikan bimbingan secara berterusan agar mereka berubah ke arah kebaikan, dan juga membentuk satu program rawatan dan pemulihan bagi mengajak mereka kembali ke pangkal jalan.</p> | 22 |



| | |
|--|----|
| <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Dikesempatan ini, berikutan penularan wabak Covid-19 yang semakin meruncing di kebanyakan Negara dunia dan juga telah mula dikesan di Negara ini, maka mimbar ingin mengingatkan seluruh jemaah untuk mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan,2. Sentiasa menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan dengan serta merta,3. Semasa dalam tempoh lawatan, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung serta bahan pencuci tangan untuk digunakan apabila perlu,4. Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan tidak bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala,5. Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan,6. Segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan tersebut. Begitu juga, maklumkan mengenai sejarah perjalanan dari negara yang terlibat kepada doktor yang merawat. | 23 |
| <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita hayati perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa ciptaan Allah SWT adalah yang terbaik dan wajib untuk disyukuri.2. Umat Islam wajib menyedari bahawa hukum menukar jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya dengan apa cara sekalipun adalah haram.3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa adanya azab Allah SWT terhadap orang-orang yang melanggar perintah Allah SWT. | 24 |
| <p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنصُودٍ ﴿٨٢﴾</p> | 25 |



| | |
|---|----|
| <p><i>“Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka buminya) dan kami menghujannya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Hud : 82)</i></p> | 26 |
| <p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 27 |
| <p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p> | 28 |



KHUTBAH KEDUA

| | |
|----|---|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. |
| 2 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 4 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. |
| 5 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 6 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 7 | اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ. |
| 8 | اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، |
| 9 | جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. |
| 10 | اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج |



| | |
|---|----|
| <p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p> | 11 |
| <p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p> | 12 |
| <p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme .</p> | 13 |
| <p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti (Covid-19) dan lain-lain.</p> | 14 |
| <p>نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْاَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 15 |
| <p>اَللّٰهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَّا وَالرِّزَا وَالْمِحْنَ وَسُوْءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَةً يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.</p> | 16 |
| <p>اَللّٰهُمَّ اَنْتَ اللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، اَنْتَ الْغَنِيُّ وَنَحْنُ الْفُقَرَاءُ، نَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيْعِ سَخَطِكَ.</p> | 17 |
| <p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p> | 18 |



| | |
|--|----|
| رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ | 19 |
| عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ | 20 |
| فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. | 21 |